



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH MOTIVASI DAN EFIKASI KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN SEBAGAI BAHASA KEDUA DI KOLEJ VOKASIONAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMMAD HELMI BIN PETRI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH MOTIVASI DAN EFIKASI KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN SEBAGAI BAHASA KEDUA DI KOLEJ VOKASIONAL

MUHAMMAD HELMI BIN PETRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tandakan (✓)

 Kertas Projek Sarjana Penyelidikan Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus. Doktor Falsafah

	<input checked="" type="checkbox"/>



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) 3 (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMMAD HELMI BIN PETRI, M20202001073, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH MOTIVASI DAN EFKASI KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN SEBAGAI BAHASA KEDUA DI KOLEJ VOKASIONAL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiati dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Mohd Muslim bin Md Zalli dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH MOTIVASI DAN EFKASI KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN SEBAGAI BAHASA KEDUA DI KOLEJ VOKASIONAL dihasilkan oleh pelajarseperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan.

DR. MOHD MUSLIM BIN MD ZALLI

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Pendidikan

Fakulti Pembangunan Manusia

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia

12/03/2024

Tarikh





**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH MOTIVASI DAN EFKASI KENDIRI TERHADAP
PENCAPAIAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA
MANDARIN SEBAGAI BAHASA KEDUA DI KOLEJ VOKASIONAL

No. Matrik / Matric's No.: M20202001073

Saya / I: MUHAMMAD HELMI BIN PETRI

mengaku membenarkan Tesis/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

DR. MOHD MUSLIM BIN MD ZALI
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Pelajar/ Signature of Student)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

Tarikh/Date: 12/3/2024

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya telah diberi kesihatan dan kelapangan masa bagi menyiapkan sebuah disertasi yang bertajuk Pengaruh Motivasi dan Efikasi Kendiri Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua di Kolej Vokasional bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Petri bin Daud serta Puan Mashitah binti Haji Abdullah diatas sokongan sepanjang mengharungi perjalanan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana ini. Turut tidak dilupakan kepada ahli keluarga yang banyak membantu dari segenap aspek.

Perjalanan ini juga tidak akan sempurna tanpa bantuan dan curahan ilmu daripada Dr Mohd Muslim bin Md Zalli selaku pensyarah pembimbing. Terima kasih yang tidak terhingga diatas segala tunjuk ajar, dorongan dan nasihat yang diberi sepanjang kajian ini dilaksanakan. Seterusnya ucapan penghargaan dan terima kasih ini juga turut diucapkan kepada semua pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) khususnya pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) diatas ilmu yang dicurahkan.



Akhir sekali penghargaan terima kasih ini ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV) diatas kebenaran untuk pihak saya menjalankan kajian di Kolej Vokasional yang terpilih. Semoga kajian yang dijalankan dapat dimanfaatkan semula.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh motivasi dan efikasi kendiri terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Kolej Vokasional. Teori Penentuan Matlamat, Teori Penentuan Kendiri dan Teori Efikasi Kendiri telah digunakan kerana mampu untuk menyokong keseluruhan pemboleh ubah yang digunakan didalam kajian ini. Seramai 201 orang pelajar Kolej Vokasional telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata untuk menjadi responden terhadap kajian ini. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif menggunakan borang soal selidik. Kebolehpercayaan bagi keseluruhan instrumen motivasi dan efikasi kendiri berada pada tahap yang tinggi dengan nilai *Alpha Cronbach* bagi instrumen motivasi ialah 0.87 manakala efikasi kendiri ialah 0.84. Data seterusnya telah dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 25. Dapatkan kajian deskriptif menunjukkan tahap motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Mandarin adalah tinggi dengan bacaan nilai min=4.12, sisihan piawai=0.37. Tahap efikasi kendiri pelajar pula berada pada tahap sederhana tinggi iaitu nilai min=3.99, sisihan piawai=0.35. Manakala tahap pencapaian pelajar berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai min=4.19, sisihan piawai 0.48. Kajian inferensi menggunakan ujian regresi linear telah digunakan bagi melihat pengaruh motivasi dan efikasi kendiri terhadap pencapaian pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan diantara motivasi terhadap prestasi pencapaian pelajar ($p=0.03$). Kajian juga mendapat terdapat pengaruh yang signifikan diantara efikasi kendiri terhadap pencapaian pelajar ($p=0.01$). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan motivasi dan efikasi kendiri merupakan antara faktor kepada peningkatan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Kolej Vokasional. Oleh itu, implikasi kajian ini mencadangkan semua pihak perlu memainkan peranan dalam membina dan mengekalkan motivasi serta efikasi pelajar dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.





THE INFLUENCE OF MOTIVATION AND SELF-EFFICACY ON STUDENT ACHIEVEMENT IN LEARNING MANDARIN AS A SECOND LANGUAGE IN VOCATIONAL COLLEGE

ABSTRACT

This study was conducted with the aim of identifying the influence of motivation and self-efficacy on student achievement in learning Mandarin as a second language in Vocational College. The Goal Setting Theory, Self-Determination Theory, and Self-Efficacy Theory were employed due to their capacity to support the entirety of variables utilized within this study. A total of 201 students from the Vocational College were chosen using a stratified random sampling method as respondents to this research. The research design adopted a quantitative approach, utilizing a questionnaire. The reliability values for the motivation instrument and self-efficacy instrument were high, indicated by a Cronbach's Alpha values of 0.87 and 0.84, respectively. Subsequent data was analyzed using IBM SPSS software version 25. Descriptive study findings revealed a high level of student motivation in learning Mandarin, with a minimum value of 4.12 and a standard deviation of 0.37. Student self-efficacy was moderately high, with a minimum value of 3.99 and a standard deviation of 0.35. Additionally, student achievement level was high, with a minimum value of 4.19 and a standard deviation of 0.48. Inference studies using linear regression analysis was employed to examine the influence of motivation and self-efficacy on student achievement. The study results demonstrated a significant influence of motivation on student achievement performance was indicated ($p=0.03$). The study also identified a significant influence of self-efficacy on student achievement ($p=0.01$). In conclusion, this study underscores the impact of motivation and self-efficacy serving as contributing factors to improved student achievement in learning Mandarin as a second language in Vocational College. Thus, the study's implications suggest that all stakeholders should play a role in nurturing and sustaining student motivation and self-efficacy to enhance student achievement in learning Mandarin as a second language..





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

BORANG PENYERAHAN TESIS/DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xi
-----------------------	----

SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------



SENARAI SINGKATAN	xiv
--------------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	xvi
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	
-------------------------	--

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	1
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	7
------------------------	---

1.4 Tujuan Kajian	12
-------------------	----

1.5 Objektif Kajian	12
---------------------	----

1.6 Persoalan Kajian	13
----------------------	----

1.7 Hipotesis Kajian	14
----------------------	----

1.8 Kerangka Konseptual	14
-------------------------	----

1.9 Kepentingan Kajian	16
------------------------	----





1.9.1 Kepentingan Terhadap Pelajar	16
1.9.2 Kepentingan Terhadap Pendidik	17
1.9.3 Kepentingan Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	18
1.10 Batasan Kajian	18
1.11 Definisi Konseptual dan Definisi Operational	19
1.11.1 Motivasi	19
1.11.2 Efikasi Kendiri	21
1.11.3 Pencapaian Pelajar	22
1.11.4 Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	24
2.2 Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua	24
2.2.1 Pembelajaran Bahasa Mandarin di Institusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	25
2.2.2 Pembelajaran Bahasa Mandarin di Institusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	27
2.3 Kerangka Teori	29
2.3.1 Teori Penetapan Matlamat	30
2.3.2 Teori Penentuan Kendiri	31
2.3.3 Teori Efikasi Kendiri	33
2.4 Pengaruh Motivasi, Efikasi Kendiri Terhadap Pencapaian Pelajar	36
2.4.1 Kajian Pengaruh Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar	36
2.4.2 Kajian Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Pencapaian Pelajar	39
2.5 Kesimpulan	41





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Populasi Kajian	45
3.3.1	Ciri-ciri Pemilihan Populasi	47
3.4	Pensampelan Kajian	47
3.5	Instrumen Kajian	50
3.5.1	Soal Selidik	50
3.6	Kajian Rintis	55
3.7	Prosedur Kajian	57
3.8	Teknik Analisis Data	58
3.8.1	Teknik Analisis Deskriptif	58
3.8.2	Teknik Analisis Inferensi	60
3.9	Kesimpulan	62



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	63
4.2	Ciri-ciri Demografi Responden	64
4.3	Ujian Normaliti	65
4.4	Tahap Motivasi Pelajar Mempelajari Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua	69
4.5	Tahap Efikasi Kendiri Pelajar Mempelajari Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua	72
4.6	Tahap Pencapaian Subjek Bahasa Mandarin di Kolej Vokasional	74
4.7	Analisis Inferensi	75
4.8	Pengaruh Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar	77
4.9	Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Pencapaian Pelajar	78





4.10 Kesimpulan	80
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1 Pendahuluan	82
5.2 Tahap Motivasi, Efikasi Kendiri dan Pencapaian Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua	83
5.2.1 Tahap Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin	83
5.2.2 Tahap Efikasi Kendiri Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Mandarin	86
5.2.3 Tahap Pencapaian Subjek Bahasa Mandarin	89
5.3 Dapatan Kajian Pengaruh Motivasi, Efikasi Kendiri dan Pencapaian Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin	90
5.3.1 Pengaruh Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar	90
5.3.2 Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Pencapaian Pelajar	93
5.4 Implikasi Kajian	96
5.4.1 Implikasi Kepada Teori	96
5.4.2 Implikasi Kepada Pelajar	97
5.4.3 Implikasi Kepada Pendidik	98
5.4.4 Implikasi Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	99
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	100
5.6 Kesimpulan	101
RUJUKAN	103
LAMPIRAN	111





SENARAI JADUAL

No. Jadual.	Muka Surat
1.1 Analisis Peratusan Pencapaian Penilaian Akhir Teori Semester 4	8
3.1 Populasi Kajian dan Jumlah Sampel	49
3.2 Jumlah Item Berdasarkan Konstruk Motivasi	52
3.3 Jadual Interpretasi Min	59
3.4 Rumusan Teknik Analisis Data	61
4.1 Maklumat Demografi Responden Kajian	65
4.2 Ujian Normaliti Keseluruhan Pemboleh Ubah Motivasi	66
4.3 Ujian Normaliti Bagi Setiap Item Motivasi	67
4.4 Ujian Normaliti Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri	68
4.5 Ujian Normaliti Bagi Setiap Item Efikasi Kendiri	68
4.6 Analisis Min Keseluruhan Pemboleh Ubah Motivasi.	69
4.7 Analisis Min Bagi Konstruk Motivasi Instrinsik dan Ekstrinsik	70
4.8 Analisis Bagi Setiap Item Motivasi	70
4.9 Analisis Min Keseluruhan Pemboleh Ubah Efikasi Kendiri	73
4.10 Analisis Item Efikasi Kendiri	73
4.11 Analisis Deskriptif Pencapaian Pelajar	75
4.12 Bacaan Nilai R ² Cohen (1988)	76
4.13 Analisis Inferensi Pengaruh Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar	78
4.14 Nilai Pekali β dan t antara Motivasi terhadap Pencapaian Pelajar	78
4.15 Analisis Inferensi Pengaruh Efikasi Kendiri terhadap Pencapaian Pelajar	79





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

- 4.16 Nilai Pekali β dan t antara Efikasi Kendiri terhadap Pencapaian Pelajar 80



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI RAJAH

No. Rajah.

Muka Surat

- | | | |
|------|---------------------|----|
| 1.1. | Kerangka Konseptual | 16 |
|------|---------------------|----|



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

BCSK	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
BPLTV	Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
GPA	<i>Grade Point Average</i>
IBM	<i>International Business Machines</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KS	Kolmogorov- Smirnov
KV	Kolej Vokasional
NGSE	<i>New General Self-Efficacy Scale</i>
PA	Penilaian Akhir
PE	Persoalan Efikasi Kendiri
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PM	Persoalan Motivasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SW	Shapiro-Wilk





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

UITM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UniKL MSI	Universiti Kuala Lumpur- Malaysian Spanish Institut
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
Unisel	Universiti Islam Selangor
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UUM	Universiti Utara Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Kesahan Pakar
- B Surat Lantikan Pakar Penilai
- C Borang Soal Selidik
- D Surat Pengesahan Status Pelajar
- E Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Pengarah BPLTV
- G *Output IBM SPSS*





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian batasan kajian, definisi operational dan konseptual serta kesimpulan bagi bab satu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) seperti yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ingin membentuk pelajar yang boleh menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik. Ini dilihat signifikan dalam usaha menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Di samping itu, pelajar juga harus menguasai Bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa antarabangsa yang penting





yang digunakan di seluruh dunia dalam kedua-dua bidang sama ada akademik mahupun industri (Hashim, 2018).

Namun, bagi meningkatkan lagi nilai tambah dalam setiap individu pelajar, kerajaan bukan sahaja menggalakkan para pelajar untuk mempelajari Bahasa Melayu dan Inggeris, malah juga menggalakkan setiap pelajar untuk mempelajari bahasa-bahasa tambahan seperti Bahasa Arab, Bahasa Perancis dan Bahasa Mandarin (Mahadi, 2020; Yamirudeng, & Osman, 2019). Dalam mencapai matlamat ini, terdapat beberapa institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan juga institusi pengajian tinggi swasta yang telah menawarkan kursus bahasa asing kepada para pelajar di institusi yang berkenaan. Misalnya, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan Kampus Machang di bawah Akademi Pengajian

Bahasa telah menawarkan kursus elektif pembelajaran bahasa ketiga seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab. Selain itu, bagi menyahut cabaran globalisasi yang

memerlukan kepelbagaiannya bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Terengganu juga telah menawarkan tiga bahasa asing iaitu Bahasa Arab, Bahasa Perancis dan Bahasa Mandarin. Manakala Universiti Kuala Lumpur-Malaysian Spanish Institut (UniKL MSI) yang terletak di Kulim Hi-Tech Park telah menawarkan dua kursus bahasa asing iaitu Bahasa Sepanyol dan Bahasa Mandarin. Bermula pada tahun 2019, pelajar perlu memilih salah satu bahasa asing yang telah ditawarkan untuk dipelajari sebagai syarat untuk menamatkan pengajian (An & Lai, 2021; Yazid et al., 2022).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga tidak ketinggalan dan telah memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha untuk menggalakkan pelajar



mempelajari bahasa asing. Terdapat 11 anjakan utama yang telah digariskan oleh KPM untuk mentransformasi sistem pendidikan di Malaysia iaitu dengan memperkasakan penguasaan pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab (Jamiran, & Faiz, 2023). Di samping itu, pelajar juga digalakkan untuk mempelajari bahasa asing yang lain (Bernama, 2018). Oleh itu, terdapat beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak KPM bagi memastikan hasrat ini tercapai seperti menyediakan akses kepada pembelajaran bahasa tambahan di semua institusi pengajian di bawah KPM sama ada di peringkat rendah, peringkat menengah mahupun peringkat tinggi.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang bergerak menuju ke arah negara maju. Oleh itu, kemajuan dan kepesatan ekonomi yang telah dicapai oleh Malaysia telah berjaya membuka mata negara-negara luar untuk menjalinkan hubungan politik dan hubungan ekonomi bersama Malaysia. Sebagai contoh, negara tembok besar iaitu China telah menjadi negara pelabur tertinggi di Malaysia dalam sektor pembuatan iaitu dengan jumlah sebanyak 43.6 billion pada tahun 2020 (Amri, 2021).

Menerusi pelaburan dan kerjasama politik negara Malaysia di dalam dan juga di luar negara, banyak manfaat yang boleh dirasai oleh rakyat Malaysia terutamanya dalam bidang ekonomi dan industri. Individu-individu yang mempunyai tahap kemahiran yang tinggi sangat diperlukan bagi memenuhi keperluan industri pada masa ini. Selain itu, individu yang mempunyai penguasaan bahasa kedua yang baik juga mampu dijadikan sebagai nilai tambah untuk bersaing bagi mendapatkan peluang pekerjaan hasil daripada kemajuan yang dikecapi oleh Malaysia.



Sedar akan kepentingan dan keperluan semasa, pihak kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV) bagi melahirkan para pelajar yang berkemahiran tinggi seterusnya mampu ditempatkan di industri dalam usaha merancakkan lagi pelaburan Malaysia (Rahman, Hussain, & Said, 2020). Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional (KV) merupakan antara institusi pengajian di bawah Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV) yang bertanggungjawab untuk melatih dan melahirkan individu yang mempunyai kemahiran tinggi dalam aspek teknikal dan vokasional. Pelbagai bidang yang ditawarkan antaranya ialah Seni Reka Fesyen, Automotif, Seni Kulinari dan lain-lain bidang teknikal dan vokasional. Bagi melahirkan pelajar yang mempunyai nilai tambah dan mampu untuk berdaya saing di peringkat global, Kolej Vokasional (KV) juga telah menyediakan akses pembelajaran bahasa kedua. Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin merupakan pilihan bahasa kedua yang boleh dipelajari oleh para pelajar di Kolej Vokasional.

Pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Kolej Vokasional telah mula ditawarkan kepada pelajar sejak tahun 2014 (Yin, 2021). Kini, terdapat 84 buah Kolej Vokasional di seluruh Malaysia yang telah menawarkan dua kursus Bahasa Mandarin iaitu kursus Bahasa Mandarin 1 yang telah ditawarkan kepada pelajar diploma tahun dua semester tiga dan juga kursus Bahasa Mandarin 2 kepada pelajar diploma tahun dua semester empat.

Pada dasarnya, pengajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua mempunyai matlamat supaya pelajar bukan sahaja mempunyai kemahiran yang





tinggi dalam aspek teknikal, malah mempunyai nilai tambah dari aspek bahasa. Hal ini dilihat penting kepada pelajar agar mampu bersaing untuk mendapatkan tempat dan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan semasa industri. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh An dan Lai (2021), terdapat 63.6% pelajar memahami akan kehendak semasa dan memilih untuk mempelajari Bahasa Mandarin supaya kemahiran bahasa yang dipelajari dapat meningkatkan daya saing dalam alam kerjaya pada masa yang akan datang.

Pengajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dikuasai oleh para pelajar (An, 2020). Hal ini kerana Bahasa Mandarin merupakan sebuah bahasa yang mempunyai tulisan dan cara sebutan yang tersendiri (Fang, 2019). Bagi memperolehi kemahiran berbahasa Mandarin, pelajar perlu mempelajari empat kemahiran utama iaitu bercakap, mendengar, membaca dan menulis (Marimun & Ahmad, 2019). Keempat-empat kemahiran ini perlu dipelajari secara berperingkat agar kemahiran berbahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dapat ditingkatkan secara menyeluruh.

Namun, terdapat beberapa isu,kekangan dan permasalahan yang dihadapi oleh tenaga pengajar dan juga pelajar dalam mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Oleh itu, dalam usaha untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, terdapat beberapa orang pengkaji yang telah melakukan kajian bagi melihat secara menyeluruh terhadap isu-isu, kekangan dan permasalahan yang timbul semasa pengajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Yi (2020) mendapati bahawa pelajar sering kali mempunyai masalah dalam aspek sebutan dan juga tulisan. Selain itu, An dan Lai (2021) juga





mendapati bahawa pembelajaran aksara Cina merupakan sebuah permasalahan yang menyukarkan pelajar untuk memperolehi Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Isu, kekangan dan masalah dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua mampu diatasi dengan adanya motivasi yang tinggi dalam diri para pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing (Yang & Pu, 2022; Alamdari & Ghani, 2021; Zainuddin & Kutty, 2021). Zainuddin dan Kutty (2021) juga menyatakan bahawa motivasi merupakan salah satu faktor yang diperlukan oleh seseorang pelajar bagi mencapai kejayaan di dalam mata pelajaran yang dipelajari. Yang dan Pu (2022) juga menjelaskan bahawa motivasi merupakan faktor utama dalam mencapai kejayaan kerana motivasi merupakan penentu arah dan intensiti aktiviti seseorang individu. Kepentingan motivasi juga disokong oleh kajian Alamdari dan Ghani (2021) yang menyatakan bahawa motivasi merupakan penyumbang utama dalam proses pemerolehan kemahiran bahasa.

Selain itu, efikasi kendiri juga merupakan antara faktor yang perlu diberi perhatian semasa proses pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dilaksanakan. Efikasi kendiri merupakan pertimbangan seseorang mengenai perkara yang boleh dilakukan dengan kemahiran yang dimilikinya (Torney, 1991; Villas, 2019). Abd Hamid, Baharum, dan Sarkowi (2020) menjelaskan bahawa efikasi kendiri ialah keyakinan seseorang pelajar dalam melaksanakan tingkah laku untuk mencapai sesuatu maksud dengan berjaya. Dengan adanya efikasi kendiri yang tinggi dalam diri, pelajar akan lebih berkeyakinan dan lebih percaya diri dalam melaksanakan segala tugas yang diberikan oleh guru bagi meningkatkan kemahiran bahasa. Sikap berdiam diri dan pasif semasa proses pengajaran dan





pembelajaran berlangsung akan memberi kesan kepada pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Pelajar perlu sentiasa melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang direncanakan oleh guru supaya setiap kesilapan dan kekurangan dalam kemahiran berbahasa seperti bercakap, mendengar, membaca dan menulis dapat diperbaiki sekali gus memastikan peningkatan pencapaian pelajar dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Oleh itu, motivasi dan efikasi kendiri merupakan antara faktor penting yang perlu diberi perhatian oleh semua guru Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Kolej Vokasional (KV) bagi meningkatkan pencapaian pelajar. Hal ini bagi memastikan usaha untuk mencapai hasrat dan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya pelajar mampu menguasai bahasa kedua dapat dicapai seperti yang dirancang di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

1.3 Pernyataan Masalah

Pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua di Kolej Vokasional wajar diambil perhatian yang serius oleh semua guru (Chuah, Ngoi & Khalidar, 2020; Adzhar & Radzi, 2020; Yi, 2020). Hal ini dilihat mampu untuk membantutkan usaha dan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti yang telah dirancang di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu untuk melahirkan pelajar yang mampu untuk menguasai bahasa asing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam usaha melahirkan pelajar yang mampu memenuhi keperluan industri pada masa kini, pelajar perlu





digalakkan untuk menguasai bahasa kedua. Penguasaan pelajar terhadap bahasa Mandarin di Kolej Vokasional (KV) dapat dilihat menerusi pencapaian subjek Bahasa Mandarin yang diukur melalui Penilaian Akhir (PA) teori dan amali yang dijalankan pada akhir semester. Bagi Penilaian Akhir (PA) teori, pelajar diuji dengan kemahiran membaca dan menulis manakala bagi Penilaian Akhir (PA) amali, pelajar akan diuji dengan kemahiran mendengar dan bercakap.

Namun setelah hampir sepuluh tahun pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua ditawarkan dan dilaksanakan di Kolej Vokasional, pencapaian pelajar Kolej Vokasional (KV) masih lagi berada pada tahap yang kurang memberansangkan. Hal ini dapat dilihat menerusi analisis keputusan Penilaian Akhir (PA) yang telah diperoleh dari sumber Bahagian Pendidikan Latihan dan Vokasional (BPLTV) pada tahun 2022 melalui beberapa buah Kolej Vokasional. Dapatkan adalah seperti yang dipaparkan di jadual 1.1.

Jadual 1.1

Analisis Peratusan Pencapaian Penilaian Akhir Teori Semester 4

	Kemahiran Membaca dan Menulis			
	Gagal	Sederhana	Baik	Cemerlang
	<50	<60	<70	>70
Peratusan Pencapaian Pelajar	60%	15%	10%	15%

Sumber: Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (BPLTV)

Jadual 1.1 menunjukkan pencapaian pelajar yang diperolehi daripada Penilaian Akhir (PA) teori semester empat. Antara kemahiran yang dinilai ialah membaca dan menulis. Pelajar dikehendaki untuk membaca dan memahami petikan



yang telah disediakan dan menjawab beberapa soalan menggunakan tulisan aksara Cina. Analisis pencapaian yang diperolehi mendapati bahawa terdapat 60% pelajar masih berada pada tahap gagal. Manakala 15% pelajar berada pada tahap yang sederhana. Hanya terdapat 25% pelajar yang masih berada pada tahap baik serta cemerlang.

Perkara ini perlu dilihat daripada pelbagai sudut supaya punca berlakunya permasalahan ini dapat diatasi. Bagi merungkai permasalahan dan seterusnya mencari inisiatif dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, beberapa pengkaji telah melaksanakan kajian dan mendapati bahawa masalah sebutan serta tulisan menyukarkan pelajar untuk menguasai Bahasa Mandarin secara menyeluruh (An &

Lai, 2021; Yi, 2020). Justeru, beberapa cadangan dikemukakan seperti penggunaan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran digunakan oleh para guru

dalam usaha untuk mengatasi masalah ini. Namun, beberapa pengkaji lepas telah mencadangkan agar faktor motivasi dan efikasi kendiri turut diberi perhatian dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pencapaian (Wan Naliza & Siti Mistima, 2020; Bouih, Nadif, & Benattabou, 2021). Oleh itu, kajian yang dilaksanakan ini akan memberi fokus kepada dua faktor iaitu motivasi dan efikasi kendiri pelajar. Hal ini kerana motivasi pelajar merupakan antara faktor yang penting dalam proses pembelajaran bahasa kedua (Kholid, 2017; Ningrat, Tegeh, & Sumantri, 2018). Selain itu, efikasi kendiri juga perlu ditingkatkan supaya pelajar akan lebih berusaha dan tidak mudah mengalah dalam melaksanakan tugas yang diberikan (Abd Hamid, Baharum, & Sarkowi, 2020).



Oleh kerana motivasi merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam pembelajaran, banyak kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan bagi melihat tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua. Kajian yang telah dijalankan oleh Nancy anak Ngumbang dan Mahamod (2017) menunjukkan bahawa tahap motivasi murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, kajian Jerie anak Peter Langan dan Mahamod (2021) juga menunjukkan tahap motivasi pelajar Iban dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua berada pada tahap yang tinggi. Manakala kajian Kaviza (2019) menunjukkan bahawa murid tingkatan satu mempunyai motivasi yang rendah terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Beberapa kajian lepas yang telah dijalankan ini hanya sekadar melihat kepada tahap motivasi pelajar. Namun kajian-kajian ini tidak menjelaskan kepentingan dan pengaruh motivasi terhadap prestasi pelajar.

Walau bagaimanapun, masih terdapat juga beberapa kajian lepas yang telah membuktikan bahawa pencapaian pelajar sangat dipengaruhi oleh motivasi (Muhammad, & Kutty, 2021). Selain itu, sebuah kajian yang telah dijalankan oleh Ganesan, dan Mohammad, (2021) menunjukkan bahawa tahap motivasi yang tinggi dalam kalangan pelajar India dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian Naliza dan Mistima (2020) juga menunjukkan bahawa tahap motivasi yang sederhana dalam kalangan murid sekolah luar bandar juga menyebabkan prestasi pencapaian pelajar dalam subjek Matematik berada pada tahap yang sederhana. Dapatan dari kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa motivasi merupakan salah satu faktor dalam meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Namun, kajian yang dijalankan hanyalah secara umum di institusi pengajian





dan hanya memberi fokus kepada subjek-subjek seperti Bahasa Melayu dan Matematik. Kajian ini pula dijalankan bagi melihat secara spesifik terhadap kepentingan dan pengaruh motivasi terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Efikasi kendiri merupakan kepercayaan dan keyakinan diri seseorang dalam melaksanakan tingkah laku bagi mencapai sesuatu yang diinginkan (Bandura, 1977). Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi dan efikasi kendiri iaitu tahap motivasi mampu mempengaruhi tahap efikasi kendiri seseorang. Dalam erti kata yang lebih mudah, sekiranya seseorang pelajar mempunyai motivasi yang tinggi, dia akan lebih cenderung untuk melaksanakan sesebuah tingkah laku sehingga ia memperoleh kejayaan. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian Abd Hamid, Baharum, dan Sarkowi (2020) yang menunjukkan bahawa seseorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru (IPG) yang mempunyai motivasi yang tinggi akan lebih cenderung untuk melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Oleh kerana masih kurang kajian yang dilaksanakan bagi melihat pengaruh motivasi terhadap efikasi kendiri, kajian ini mengambil insiatif untuk menjalankan kajian bagi melihat pengaruh motivasi terhadap efikasi kendiri dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Hal ini kerana pengkaji merasakan motivasi merupakan salah satu faktor bagi mendorong pelajar untuk lebih percaya diri seterusnya berkeyakinan untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang telah dirangka oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang menunjukkan bahawa efikasi kendiri mampu memberi pengaruh kepada pencapaian pelajar. Kajian Bouih, Nadif,



dan Benattabou (2021) menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri pelajar mampu untuk memberi kesan kepada pencapaian pelajar di universiti. Manakala kajian Wan Naliza dan Siti Mistima (2020) menunjukkan dapatan yang sebaliknya iaitu efikasi kendiri tidak memberi pengaruh kepada pencapaian pelajar. Namun begitu, kajian mengenai pengaruh efikasi kendiri terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua masih dilihat kurang dilaksanakan di peringkat Kolej Vokasional (KV) berbanding di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Oleh itu, kajian lanjutan perlu dilaksanakan supaya kepentingan efikasi tehadap pencapaian pelajar dapat diketahui dan dirungkaikan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap motivasi, efikasi kendiri dan pencapaian pelajar Kolej Vokasional terhadap subjek Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Kajian ini juga dilaksanakan supaya dapat menentukan pengaruh motivasi dan efikasi kendiri terhadap pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

1.5 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian yang ingin dicapai ialah seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti tahap motivasi pelajar Kolej Vokasional terhadap subjek Bahasa Mandarin.



- 2) Mengenal pasti tahap efikasi kendiri pelajar Kolej Vokasional terhadap subjek Bahasa Mandarin.
- 3) Mengenal pasti tahap pencapaian subjek Bahasa Mandarin di Kolej Vokasional.
- 4) Menentukan pengaruh antara motivasi, efikasi kendiri terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
 - a) Menentukan pengaruh motivasi terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.
 - b) Menentukan pengaruh efikasi kendiri terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.



Terdapat beberapa persoalan kajian yang ingin dijawab didalam kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:-

- 1) Apakah tahap motivasi pelajar Kolej Vokasional untuk mempelajari subjek Bahasa Mandarin?
- 2) Apakah tahap efikasi kendiri pelajar Kolej Vokasional untuk mempelajari subjek Bahasa Mandarin?
- 3) Apakah tahap pencapaian subjek Bahasa Mandarin pelajar Kolej Vokasional?
- 4) Adakah terdapat pengaruh motivasi dan efikasi kendiri terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional?





- a) Adakah terdapat pengaruh antara motivasi terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional?
- b) Adakah terdapat pengaruh antara efikasi kendiri terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional?

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian empat, terdapat dua hipotesis kajian yang diuji dalam kajian ini. Hipotesis kajian tersebut adalah seperti berikut:

Ho1 : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara motivasi terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.

Ho2 : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara efikasi kendiri terhadap pencapaian subjek Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional.

1.8 Kerangka Konseptual

Tujuan kajian ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan objektif dan persoalan yang terdapat di dalam kajian ini. Bahagian yang pertama ialah untuk mengenal pasti tahap motivasi dan efikasi kendiri pelajar yang berperanan sebagai faktor dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Terdapat tiga pemboleh ubah yang telah digunakan di dalam kajian ini iaitu motivasi, efikasi kendiri dan pencapaian pelajar.






Pemboleh ubah yang pertama ialah motivasi. Menurut Dörnyei (1998), kunci pembelajaran ialah motivasi kerana ia mampu untuk mendorong sumber dalaman, keinginan, emosi, sebab, keperluan dan tujuan yang menggerakkan seseorang ke arah satu tindakan. Deci dan Ryan (2013) telah mengilhamkan teori penentuan kendiri iaitu dengan mengkategorikan motivasi kepada dua iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Oleh itu, di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan teori penentuan kendiri untuk mengetahui tahap motivasi pelajar.

Pemboleh ubah yang kedua ialah efikasi kendiri. Efikasi kendiri ialah kepercayaan seseorang tentang kemampuan diri sendiri untuk menghasilkan tahap prestasi yang ditetapkan (Bandura, 1994). Bagi melihat tahap efikasi kendiri pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua, pengkaji telah menggunakan teori efikasi kendiri yang telah diilhamkan oleh Bandura (1994).

Pemboleh ubah yang ketiga ialah pencapaian prestasi. Tahap kemahiran pelajar akan diukur menggunakan kertas soal selidik menerusi tiga kemahiran utama yang akan diuji iaitu kemahiran membaca, menulis dan mendengar.

Bahagian kedua tujuan kajian ini melibatkan objektif dan persoalan kajian berkaitan dengan hubungan antara pemboleh ubah motivasi, efikasi dan pencapaian pelajar. Terdapat beberapa hubungan yang dikaji antaranya ialah pengaruh antara motivasi dan pencapaian pelajar dan pengaruh efikasi kendiri terhadap pencapaian pelajar. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada tiga aspek utama iaitu terhadap pelajar, para pendidik dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.9.1 Kepentingan Terhadap Pelajar

Kajian ini dilihat penting supaya pelajar dapat menyedari akan faktor utama yang diperlukan bagi mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Faktor pertama yang perlu ada di dalam diri dalam setiap pelajar ialah motivasi. Hal ini kerana motivasi merupakan sebuah kuasa penggerak yang mampu untuk membantu para pelajar untuk tetap belajar walaupun menemui pelbagai kesukaran ketika mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.



Selain itu, efikasi kendiri juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Efikasi kendiri merupakan kepercayaan dan keyakinan pelajar terhadap diri sendiri dalam melaksanakan tingkah laku bagi mencapai sesuatu maksud sehingga berjaya. Pelajar yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi mampu untuk melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti yang dirancang oleh guru. Hal ini sekali gus mampu untuk membuka peluang dan ruang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran yang diperlukan dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam Bahasa Mandarin.

1.9.2 Kepentingan Terhadap Pendidik



Pelaksanaan kajian ini mampu membuka mata para guru akan kepentingan motivasi dan efikasi kendiri dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Motivasi dapat dikategorikan kepada dua iaitu intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran). Motivasi intrinsik timbul dalam diri para pelajar, manakala motivasi ekstrinsik dihasilkan melalui persekitaran. Bagi meningkatkan pencapaian pelajar, guru perlulah memupuk motivasi dalam diri pelajar melalui kaedah pengajaran yang menyeronokkan. Dengan memahami kepentingan motivasi, guru boleh merancang kaedah pengajaran yang sesuai untuk dilaksanakan di dalam kelas.

Selain itu, bagi meningkatkan efikasi kendiri para pelajar, guru perlulah berusaha untuk merancang aktiviti yang mampu untuk melibatkan pelajar secara





aktif di dalam kelas. Dengan adanya peluang untuk pelajar terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru sekali gus dapat memperbetulkan kesalahan dan kelemahan yang dilakukan oleh pelajar. Secara tidak langsung, tahap pencapaian pelajar juga dapat ditingkatkan.

1.9.3 Kepentingan Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini dijalankan supaya pengkaji dapat melihat hubungan motivasi terhadap efikasi kendiri pelajar. Selain itu, pengkaji juga berhasrat untuk melihat kepentingan efikasi kendiri dalam pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Terakhir, pengkaji ingin melihat kepentingan motivasi dan efikasi kendiri di dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan kajian seperti berikut:

- i) Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Kolej Vokasional (KV). Terdapat lapan buah Kolej Vokasional yang terlibat iaitu:
 1. Kolej Vokasional Arau, Perlis.
 2. Kolej Vokasional Kulim, Kedah.
 3. Kolej Vokasional Kuala Selangor, Selangor.
 4. Kolej Vokasional Klang, Selangor.
 5. Kolej Vokasional Segamat, Johor.
 6. Kolej Vokasional Kota Tinggi, Johor.



7. Kolej Vokasional Besut, Terengganu.

8. Kolej Vokasional Chenor, Pahang.

Justeru, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada Kolej Vokasional ini sahaja.

- ii) Responden yang terlibat merupakan pelajar diploma tahun dua semester empat dan berumur 19 tahun pada tahun yang dijalankan.

1.11 Definisi Konseptual dan Definisi Operational

Di dalam kajian ini, terdapat tiga pemboleh ubah utama yang digunakan oleh pengkaji iaitu motivasi, efikasi kendiri dan pencapaian pelajar. Oleh itu, pengkaji akan mendefinisikan kesemua pemboleh ubah yang terlibat. Pendefinisian akan dibuat melalui dua cara iaitu konseptual iaitu berdasarkan pendapat para sarjana dan diikuti oleh definisi operasional iaitu seperti yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.11.1 Motivasi

Secara umumnya, perkataan motivasi berasal daripada sebuah perkataan iaitu “motif” dan membawa maksud alasan untuk seseorang melakukan sesuatu perbuatan (Lomu & Widodo, 2018). Seiringan dengan itu, Abiddin (2020) juga menyatakan bahawa motivasi merupakan sebuah dorongan untuk seseorang melakukan sesuatu bagi tujuan tertentu.

Seterusnya, Dörnyei (1998) menyatakan bahawa motivasi merupakan sebuah kunci pembelajaran bagi mendorong sumber dalaman, keinginan, emosi, sebab,

keperluan dan tujuan yang menggerakkan seseorang ke arah satu tindakan. Abiddin (2020) berpendapat bahawa setiap individu pelajar mempunyai motivasi di dalam diri. Tetapi motivasi yang dimiliki oleh setiap individu berbeza iaitu motivasi untuk berjaya ataupun motivasi untuk mengelak kegagalan. Motivasi merupakan sebuah proses yang sangat penting kerana motivasi melibatkan penjanaan, mengekalkan dan mengawal minat (Lamb & Arisandy, 2019). Penjanaan motivasi boleh dijana melalui dua sumber iaitu intrinsik (dalaman) iaitu melalui minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara. Selain itu, motivasi juga boleh dijana melalui rangsangan dari luar dan turut dikenali sebagai motivasi ekstrinsik (luaran).

Gardner (1988) menyatakan bahawa motivasi pembelajaran bahasa adalah tahap seseorang berusaha untuk mempelajari sesuatu bahasa kerana keinginannya untuk melakukan demikian dan pengalaman merasakan kepuasan ketika menjalankan aktiviti tersebut. Menurut Wang dan Chen (2019), motivasi merupakan faktor utama dalam memilih sama ada untuk mempelajari Bahasa Mandarin.

Di dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada motivasi pelajar Kolej Vokasional dalam mempelajari Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua. Motivasi merupakan sebuah faktor penting dalam pembelajaran Bahasa Mandarin di Kolej Vokasional kerana Bahasa Mandarin merupakan subjek elektif dan pelajar tidak diwajibkan untuk lulus. Motivasi pelajar ditentukan melalui skor yang diperolehi daripada item-item yang berkaitan dengan motivasi di dalam instrumen kajian. Motivasi pelajar dikategorikan kepada dua iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Motivasi intrinsik terhasil dari dalam diri pelajar kerana minat, usaha memperkembangkan potensi diri, kepuasan diri dan keseronokan



manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada kepentingan kerjaya, pendidikan dan faktor-faktor luaran yang lain.

1.11.2 Efikasi Kendiri

Menurut Bandura (1977), efikasi kendiri bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang dalam melaksanakan tingkah laku untuk mencapai sesuatu. Abd Hamid, Baharum, dan Sarkowi (2020) pula menyatakan definisi efikasi kendiri merupakan pertimbangan seseorang mengenai kemampuan mengelola dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Efikasi kendiri juga adalah berkaitan dengan keyakinan individu terhadap keupayaan mereka untuk mencapai matlamat mereka (Zhang & Zou, 2022). Menurut Rahimi dan Fathi (2021), efikasi kendiri ialah kepercayaan seseorang terhadap kebolehan seseorang untuk melakukan tindakan untuk menyelesaikan sesuatu tugas dengan jayanya.

Dalam konteks pembelajaran, efikasi kendiri merujuk kepada keupayaan pelajar untuk berjaya mempelajari sesuatu mata pelajaran dengan menunjukkan tingkah laku dan kawalan pemikiran yang sesuai (Zhang & Zou, 2021). Dengan keupayaan pelajar ini, mereka dapat merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran untuk kejayaan akademik. Selain itu, pelajar yang mempunyai efikasi kendiri mampu mengurus tingkah laku dan tindakan pembelajaran mereka dengan mudah dan betul. Ini bermakna orang yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi mampu menghadapi masalah akademik dengan tenang dan menganggapnya sebagai satu cabaran, manakala orang yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah sentiasa





berada dalam keadaan cemas dan bimbang apabila berhadapan dengan cabaran yang sama (Bai & Wang, 2020).

Di dalam kajian ini, efikasi dilihat melalui cara tingkah laku pelajar di dalam kelas, tahap pelajar melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan tahap keyakinan pelajar menggunakan Bahasa Mandarin untuk bertutur bersama-sama rakan di dalam kelas. Efikasi kendiri merupakan satu perkara yang penting untuk ditingkatkan dan dikekalkan bagi meningkatkan lagi pencapaian prestasi pelajar. Hal ini kerana dengan adanya efikasi kendiri, pelajar akan lebih berkeyakinan untuk melibatkan diri di dalam proses pengajaran dan pembelajaran tanpa ada perasaan malu dan takut walaupun terdapat kritikan dan kecaman dari persekitaran.



1.11.3 Pencapaian Pelajar

Zubaidah (2016) mendefinisikan pencapaian pelajar merupakan pencapaian yang diperoleh oleh seseorang individu pelajar dalam pelbagai ilmu pengetahuan serta kemahiran. Rozali dan Abd Halim (2019) juga menerangkan bahawa pencapaian pelajar merupakan pengetahuan, kemahiran atau kelakuan yang diperolehi murid selepas tempoh pembelajaran. Pius, Nasri, dan Mansor (2021) pula menyatakan bahawa pencapaian pelajar merupakan skor yang diperoleh oleh pelajar menerusi ujian yang diberikan.

Dalam kajian ini, pencapaian pelajar ialah tahap yang diperolehi oleh seseorang pelajar hasil dari proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan



pembelajaran kendiri berdasarkan skor yang diperolehi dari penilaian atau ujian yang telah dijalankan. Dalam kajian ini juga, pencapaian pelajar akan diperolehi daripada set ujian yang akan diberikan kepada setiap responden. Ujian yang akan dijalankan akan memberi fokus kepada empat kemahiran utama iaitu bercakap, mendengar, membaca dan menulis.

1.11.4 Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Kedua

Bahasa kedua ialah bahasa yang diperolehi atau dipelajari setelah seseorang individu menguasai bahasa pertama (ibunda) (Bukari, & Kechik, 2022). Yi (2020) menyatakan Bahasa Mandarin merupakan bahasa yang standard dan formal yang digunakan di Beijing, China. Bahasa kedua pula merupakan bahasa yang dipelajari oleh penutur bukan jati bagi tujuan tertentu. Menurut bahasa kedua merupakan semua bahasa yang dipelajari selepas bahasa yang dipelajari pada usia kanak-kanak. Jaafar dan Awal (2020) mengatakan Bahasa Mandarin merupakan bahasa pertuturan lazim dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia yang juga merupakan penduduk kedua terbesar di negara ini.

Dalam kajian ini, Bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua bermaksud bahasa yang dipelajari secara formal bagi sesbuah tujuan tertentu seperti minat, perkembangan potensi diri, kepentingan terhadap kerjaya dan beberapa tujuan yang lain. Bahasa Mandarin di Kolej Vokasional diajar kepada pelajar yang bukan berbangsa Cina sebagai salah satu subjek elektif yang perlu dipelajari bagi melengkapkan jam kredit pembelajaran dan seterusnya menamatkan pembelajaran di peringkat diploma Kolej Vokasional.